



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 MEI 2022 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

13 MEI 2022 (JUMAAT)

Tiada aduan ayam, sayur mahal

PERMATANG PAUH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang belum menerima sebarang aduan berhubung kenaikan harga ayam atau sayur-sayuran di negeri ini.

Pengaruhnya, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, pada masa sama bekalan untuk kedua-dua barang itu juga masih mencukupi.

"Berhubung kenaikan harga minyak masak pula, kita dapati bukan minyak sawit tulen, sebaliknya, hanya melibatkan minyak masak jenis sebatian.

"Kami akan terus menjalankan pemantauan terhadap harga dan bekalan barang-barang kawalan ini dengan dibantu 63 Pegawai Pemahtau Harga (PPH) di sini," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis sambutan Rancak Aidilfitri anjuran pejabatnya di kawasan tempat letak kereta Kompleks Sempilai Jaya, dekat di sini semalam.

Dalam pada itu beliau memberitahu, sebanyak 19,666 pemeriksaan telah dijalankan untuk tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Katanya, daripada jumlah itu,



ORANG ramai membeli ayam di salah sebuah gerai dalam Program Jualan Keluarga Malaysia di pekarangan Masjid Al-Bukhary, Georgetown, baru-baru ini. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

364 kes direkodkan dengan 269 kompaun bernilai RM95,000 dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan yang paling banyak direkodkan ialah harga mahal dan tiada tanda harga di bawah Akta Kawalan

Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu dengan 184 kompaun berjumlah RM55,400.

"Kesalahan lain yang banyak direkodkan juga ialah di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dengan 141 kompaun berjumlah RM37,100," jelasnya.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 13/05/2022
M/SURAT : 1



KENAIKAN HARGA MINYAK MASAK

5 liter naik RM10 lagi

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ada yang beri jolokan 'harga Yahudi', malah ada yang menganggap harga terbaharu minyak masak tanpa subsidi semakin tidak masuk akal.

Ia susulan minyak masak botol lima kilogram (kg) yang sedia dijual mahal melebihi RM30 di pasaran sekali lagi mengalami kenaikan menceraah RM10.

Difahamkan harga minyak masak botol yang tidak dikawal di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-

pencatutan (AKHAP) 2011 menyebabkan pengilang dan pengedar sewenang-wenang meletakkan harga pada paras dianggap tidak munasabah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam kenyataannya semalam memaklumkan, minyak masak yang didakwa berlaku peningkatan harga membabitkan dua jenama terkenal yang tidak berada dalam kategori kawalan perundangan AKHAP 2011.

"Ini kerana, ia kategori minyak masak campuran' dan bukan minyak masak tulen," katanya dalam ciapan di

Twitter rasminya berhubung dakwaan harga minyak masak melambung tinggi.

Ia turut merujuk kenyataan Presiden Persekutuan Persatuan Saudagar Barang Kering Malaysia, Hong Chee Meng.

Namun laporan itu mengesahkan jenama minyak masak lain diperbuat 100 peratus daripada minyak sawit kekal pada harga rendah ekoran subsidi kerajaan.

Menurut Alexander, laporan diperoleh mendapati harga minyak masak sebatian lima kilogram dua jenama terkenal dijual pada harga RM45 berbanding harga sebelum pandemik Covid-19 iaitu sekitar RM30

hingga RM35.

Beliau berkata, berkuat kuasa 1 Ogos lalu harga rungit maksimum bagi minyak masak sawit tulen yang dijual dalam botol ialah RM29.70 bagi 5kg; RM18.70 (3kg); RM12.70 (2kg) dan RM6.70 bagi sekilogram.

Alexander dalam pada itu berkata, peniaga bagaimanapun tidak boleh sesuka hati memanipulasi harga minyak masak campuran di pasaran.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat mengikut AKHAP 2011.

KPDNHEP Pulau Pinang keluar 269 kompaun

Bukit Mertajam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang mengeluarkan 269 kompaun membabitkan nilai RM95,000 untuk tempoh 1 Januari hingga 30 April lalu.

Pengaruhnya Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, sebanyak 19,666 premis telah diperiksa sepanjang tempoh sama bagi memastikan pemain industri mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Daripada jumlah kompaun itu, sebanyak 184 kes kompaun paling tinggi direkodkan menurut Akta Kawalan Harga dan Pencutan iaitu membabitkan kesalahan harga mahal dan tiada tanda harga.

"Pihak kami turut memperkuuh pemantauan harga dengan kerjasama pelbagai pihak seperti rakan KPDNHEP, pegawai pemantau harga serta pelbagai agensi kerajaan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Rumah Terbuka KPDNHEP Pulau Pinang di sini, semalam.

Pada majlis itu sebanyak 500 pegawai dan anggota KPDNHEP Pulau Pinang dan pelbagai



MOHD Ridzuan (berdiri dua dari kiri) beramah mesra dengan kakitangan dan orang ramai yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka KPDNHEP Pulau Pinang di Kompleks Sempillai Jaya.

- Gambar NSTP/DANIAL SAAD

agensi kerajaan serta pemimpin setempat menghadirinya.

Mohd Ridzuan berkata, KPDNHEP Pulau Pinang sentiasa membuat pemantauan mengikut keadaan dan situasi, agar semua peniaga mematuhi peraturan sedia ada khususnya ketika musim perayaan.

Katanya, pegawai penguasa KPDNHEP sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar raya, pasar awam, dan pasar tani.

"Pemeriksaan untuk memastikan pengguna dilindungi daripada aktiviti pengambilan keuntungan berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika ketika musim perayaan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, tiada aduan atau laporan ke naikan harga ayam atau sayur-sayuran di Pulau Pinang selepas Aidilfitri seperti yang berlaku di beberapa negeri lain ketika ini.

"Dari segi harga ayam memang tiada aduan malah pemantauan kami juga mendapati peniaga menjual mengikut harga yang ditetapkan manakala sayur-sayuran pula mereka (peniaga) jual dengan harga lebih murah berbanding ketika bulan puasa," katanya.

19,666 premis
diperiksa
KPDNHEP
Pulau Pinang

Presma beri jaminan harga roti canai, teh tarik tidak naik

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Penggemar roti canai dan teh tarik khususnya di restoran mamak tidak perlu gusar apabila tida sebarang kenaikan harga akan dilakukan meskipun berlaku kenaikan kos terutamanya tepung gandum.

Jaminan itu diberikan Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan dengan roti canai dan teh tarik disifatkan sebagai sajian ruji kepada penduduk negara ini.

Katanya, pihaknya yang mempunyai lebih 9,000 ahli akan menerap segala kos kenaikan itu demi kepuasan pelanggan.

"Memang kenaikan berlaku bukan sahaja tepung, malah mi-

nyak, marjerin. Namun roti canai dan teh tarik makanan ruji kebanyakannya penduduk negara ini, justeru kita memberikan jaminan tiada kenaikan harga.

"Kita akan cuba bertahan dan baru-baru ini saya ada berjumpa dengan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Azman Mohd. Yusof berhubung perkara itu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau turut memberi jaminan pihaknya tidak akan mengecilkan doh roti canai tersebut.

Jelasnya, kenaikan harga bahan mentah itu masih dianggap minimum, namun yang menjadi masalah utama kepada Presma adalah kekurangan pekerja yang menyebabkan lebih 2,000

restoran terpaksa gulung tikar.

"Sebelum ini, kita ada lebih 12,000 pekerja, namun kini tinggal 9,000 sahaja dan mungkin selepas ini akan ada lagi gulung tikar.

"Mungkin, ramai mempunyai pengalaman ini apabila berlaku kelewatan dari segi perkhidmatan dan semuanya disebabkan tiada pekerja," katanya.

Justeru, beliau berharap Kementerian Sumber Manusia (KSM) khususnya akan memudahkan pengambilan tenaga kerja bagi memastikan kelangsungan perniagaan restoran mamak.

"KSM memaklumkan akan dapat dari tahun lalu lagi dan kami seperti menunggu buah tidak gugur. Sudah goncang, goyang pokok pun buah tidak jatuh. Tiada jalan penyelesaian," ujarnya.




JAWAHAR ALI (kiri) semasa bertemu Azman (dua dari kiri) baru-baru ini.



SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : JUMAAT
TARIKH : 13/05/2022
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM6.99	• Telur Gred A RM12.45	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM8.99
	• Daging Lembu Tempatan RM38.99	• Ikan Kembung RM14.90	• Bawang Besar Holland RM2.49	• Kubis Bulat Tempatan RM3.99
	• Daging Lembu Import RM28	• Minyak Masak RM6.55	• Bawang Putih RM4.99	• Tepung Gandum RM2.30
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP